

KUMPULAN BANK ISLAM CATAT KEUNTUNGAN RM571.1 JUTA UNTUK TAHUN KEWANGAN 2024

Isytihar dividen tunai interim kedua 4.12 sen sesaham

SOROTAN

- Jumlah aset meningkat sebanyak 6.4% tahun ke tahun (y-o-y) kepada RM96.8 bilion, disumbangkan daripada pelaburan dalam pembiayaan dan sekuriti yang didorong oleh pertumbuhan pembiayaan pengguna dan komersial.
- Keuntungan bersih meningkat ke RM571.1 juta, peningkatan sebanyak 3.3% y-o-y.
- Kualiti aset baik dengan nisbah pembiayaan terjejas dan kos kredit pembiayaan kasar masing-masing berada pada 1.06% dan 0.14%.
- Deposit pelanggan dan pertumbuhan akaun pelaburan teguh sebanyak 6.4% y-o-y dengan komposisi akaun semasa, simpanan dan pelaburan transaksi (CASATIA) yang sihat pada 39.7%.
- Jumlah Pendapatan Bersih Kumpulan meningkat kepada RM2.6 bilion berikutan kenaikan 5.1% y-o-y pendapatan berdasarkan dana bersih dan 11.2% y-o-y bagi fi dan komisen.
- Kedudukan modal yang kukuh dengan Jumlah Nisbah Modal 20.0%
- Isytihar dividen tunai interim kedua 4.12 sen sesaham, membawa kepada jumlah dividen tahunan 15.12 sen sesaham.

KUALA LUMPUR, Jumaat, [28 Februari 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM571.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 (TK2024), mengukuh sebanyak 3.3% berbanding tahun sebelumnya. Perolehan sesaham turut meningkat kepada 25.20 sen, manakala Pulangan Ekuiti Bersih adalah sebanyak 7.6% bagi TK2024. Peningkatan keuntungan ini didorong oleh pendapatan bersih yang lebih tinggi dan pengurangan peruntukan bersih untuk pembiayaan terjejas.

Sebahagian besar pertumbuhan pendapatan bersih Kumpulan dipacu oleh kenaikan 5.1% dalam pendapatan berdasarkan dana bersih yang meningkat kepada RM2.2 bilion. Pencapaian itu disokong oleh pertumbuhan tahun-ke-tahun (y-o-y) dalam sekuriti pelaburan dan pembiayaan dengan margin pendapatan bersih (NIM) yang lebih baik kepada 2.13% bagi TK2024. Selain itu, Kumpulan merekodkan pertumbuhan 11.2% y-o-y dalam fi dan komisen.

Peruntukan bersih Kumpulan untuk pembiayaan terjejas dan pendahuluan menurun sebanyak 46.0% kepada RM94.6 juta, mencerminkan peningkatan kos kredit pembiayaan kepada 0.14% berbanding 0.26% yang dicatatkan pada TK2023. Setakat 31 Disember 2024, nisbah pembiayaan terjejas kasar berada pada 1.06%, jauh lebih rendah daripada purata industri sebanyak 1.44%, sekali gus menunjukkan kualiti aset Kumpulan yang kukuh.

Lembaga Pengarah Bank Islam berbesar hati mengisyiharkan dividen tunai interim satu peringkat kedua 4.12 sen sesaham, membawa kepada jumlah dividen tahunan 15.12 sen sesaham.

Pada akhir Disember 2024, jumlah aset Kumpulan berada pada RM96.8 bilion dengan pertumbuhan y-o-y sebanyak 6.4% yang didorong oleh peningkatan dalam sekuriti pelaburan dan pembiayaan. Sehubungan itu, aset bersih sesaham mencatatkan kenaikan lebih tinggi iaitu RM3.38 berbanding tahun kewangan 2023. Peningkatan y-o-y sebanyak 6.3% dalam pembiayaan pengguna dan 6.7% dalam pembiayaan komersial telah menyumbang kepada pertumbuhan dalam pembiayaan kasar. Walau bagaimanapun, penyusutan dalam pembiayaan korporat telah menyebabkan jumlah pembiayaan kasar mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.8% y-o-y kepada RM70.2 bilion.

Akaun deposit dan pelaburan pelanggan melonjak sebanyak 6.4% y-o-y kepada RM80.9 bilion. Sementara akaun semasa, simpanan dan pelaburan transaksi (CASATIA) berada pada RM32.1 bilion setakat Disember 2024, diterjemahkan kepada komposisi CASATIA yang sihat sebanyak 39.7%.

Nisbah Jumlah Modal kekal teguh pada 20.0% setakat 30 Disember 2024.

Kesediaan Masa Depan Bank Islam

Kumpulan kekal teguh dalam memajukan inovasi dan penciptaan nilai mampan dengan mengutamakan pelaburan penting dalam teknologi canggih, seiring dalam perjalanan strategiknya ke arah menjadi sebuah institusi kewangan yang bersedia mendepani masa hadapan. Usaha ini bertumpuan peningkatan pengalaman pelanggan, memperbaiki kecekapan operasi dan mengukuhkan ketahanan siber bagi melindungi data pemegang taruh serta mengekalkan kepercayaan.

Kumpulan akan menumpukan kepada pelaksanaan inisiatif berorientasikan hasil yang memberikan impak bermakna dengan memanfaatkan analitik data canggih, sistem berdaya tahan, dan platform yang teguh. Dikuasakan oleh tenaga kerja yang mahir dalam rangka kerja proses lincah, Kumpulan akan mengadaptasi penyelesaian digital, memacu inovasi dan menggunakan pandangan berdasarkan data untuk meningkatkan libat urus pelanggan serta merangsang pertumbuhan perniagaan melalui pelaburan berterusan dalam infrastruktur teknologi.

Sebahagian daripada usaha ini adalah pelancaran platform perbankan digital baharu, BIMB Mobile dan BIMB Web, yang diperkenalkan pada November 2024. Platform ini menawarkan pengalaman perbankan tanpa cawangan dengan kemudahan seperti fungsi dan ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan. Sehingga kini, hampir 1 juta pelanggan daripada 1.9 juta pengguna aplikasi perbankan mudah alih Bank Islam telah berhijrah ke platform baharu, sekali gus menandakan langkah penting dalam perjalanan transformasi digital Kumpulan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed menyatakan, "Industri perbankan dan perkhidmatan kewangan Islam sedang mengalami transformasi pesat yang didorong oleh kemajuan teknologi dan jangkaan pelanggan. Kami melihat teknologi sebagai pemangkin pertumbuhan yang membolehkan kami menawarkan penyelesaian inovatif berfokuskan pelanggan. Sungguhpun berhemat dalam aspek kewangan, pelaburan digital merupakan strategi kami untuk kekal sebagai peneraju dalam trend industri, membanteras penipuan kewangan dan menetapkan piawaian baharu dalam perbankan Islam. Sebagai langkah signifikan dalam perjalanan transformasi digital Bank Islam, kami meletakkan asas yang kukuh menerusi penyediaan teknologi termaju bagi mempersiapkan Kumpulan dalam mendepani masa hadapan."

Salah satu keutamaan Kumpulan pada tahun 2025 adalah mempercepatkan pertumbuhan sungguhpun persekitaran pasaran global yang tidak menentu. Dengan mengamalkan langkah

pengurusan kos yang berdisiplin dan mengoptimumkan sumber, Kumpulan berhasrat untuk menstabilkan nisbah kos kepada pendapatannya tahun ini.

Strategi pertumbuhan perniagaan Bank Islam bagi 2025 adalah dengan memberi tumpuan kepada pengembangan segmen Pengurusan Kekayaan, Ar-Rahnu dan perkhidmatan pertukaran matawang (*bureau-de-change*), serta memperkuuh kerjasama dengan anak syarikat, khasnya BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Pada masa yang sama, Kumpulan akan kekal meneruskan pemerolehan aset dalam sektor hijau, mampan dan berkembang.

Kumpulan terus komited untuk menerapkan kemampanan dalam operasi dan mendorong perubahan bermakna sambil mengejar pertumbuhan yang mampan. Fokus ini termasuk menyediakan sokongan terhadap usaha peralihan ke arah ekonomi rendah karbon, memupuk komuniti bagi tujuan rangkuman kewangan dan membangunkan amalan tadbir urus yang utuh, selaras dengan lima komitmen kemampanan kami.

Bank Islam menjangkakan untuk menggerakkan RM28 bilion dalam pembiayaan mampan menjelang akhir 2025, sekali gus memacu pertumbuhan aset tanggungjawab sosial dan alam sekitar serta patuh Syariah.

“Kami ingin menyampaikan penghargaan Ikhlas kepada pemegang saham, rakan niaga dan pelanggan atas sokongan dan kepercayaan mereka yang telah memberikan sumbangan penting kepada satu lagi pencapaian yang baik buat Bank Islam. Sambil kami mengemudi perniagaan dalam landskap yang mencabar, Bank Islam kekal proaktif dalam mengukuhkan daya tahan dan pertumbuhan strategik kami untuk menyokong ekosistem kewangan yang lebih inklusif dan bertanggungjawab,” tambah Mohd Muazzam.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.